



Anwar merasmikan Karnival Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan di Cyberjaya, semalam. Yang turut hadir Fadhlina, Zulkapli (tiga dari kanan); Ketua Pengarah Pendidikan/Datuk Pkharuddin Ghazali (kiri) dan Anwar Ridhwan. (Foto BERNAMA)

# PM arah surat rasmi dalam bahasa Melayu

Surat ditulis selain bahasa kebangsaan akan dipulung semula

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Cyberjaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan surat rasmi, sama ada dari pihak kerajaan mahupun swasta diutuskan dalam bahasa Melayu.

Perdana Menteri berkata, jika surat berkenaan diutus dalam bahasa selain bahasa kebangsaan, ia perlu dipulungkan semula kepada pengutus dalam usaha untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kata Anwar, ketika penekanan bahawa bahasa perdagangan adalah bahasa Inggeris, ada sikap yang dilihatnya terlatih dan terpesong oleh beberapa jabatan kerajaan, penjawat awam, universiti awam dan swasta serta sektor swasta.

“Sering cuba meninggalkan asas Perlembagaan untuk berhubung dengan jabatan kerajaan dalam bahasa kebangsaan. Saya tekankan dalam dasar kerajaan, saya bincang dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Je-maah Menteri, kadang-kadang ada kekeliruan.

“Jadi saya ingin peringatkan hal ini. Jika dalam kalangan syarikat tempatan dan universiti tem-

patan, termasuk swasta, sesiapa sahaja menulis (surat) selain dalam bahasa kebangsaan, surat itu akan dipulungkan,” katanya.

Perdana Menteri mengingatkan demikian ketika berucap melancarkan Karnival Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 di Universiti Multimedia (MMU), di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Zulkapli Mohamed; Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr Anwar Ridhwan dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

## Garap budaya membaca

Menyentuh budaya membaca generasi masa kini, Anwar berharap ia tidak mati terkubur mengikut peredaran zaman sekarang yang sinonim dengan ledakan teknologi dan digitalisasi.

Memetik karya pemikir yang membicarakan soal perubahan teknologi, beliau berkata, terdapat kekusaran dalam kalangan kumpulan pemikir kerana mendapati kurangnya minat generasi muda untuk membaca.

Katanya, kebergantungan kepada maklumat diperoleh secara maya menerusi media sosial berupaya mempengaruhi, termasuk membentuk pemikiran seseorang dalam tempoh singkat.

Untuk menggarap semula budaya membaca, Perdana Menteri menasihatkan semua pihak mengambil iktibar teguran sasterawan ulung tempatan mahupun antarabangsa mengenai ‘kemis-

kinan’ membaca dalam kalangan generasi muda.

“Untuk terus menyuburkan tradisi memberi makna mengenai negara MADANI, kita tentunya terpaksa menggapai langit meneroka alam pemikiran baharu, mencetuskan idea dan mengikut perkembangan alam digital serta transformasi digital.

“Semua ini imperatif yang harus dikuasai, ditangani sebijak mungkin dengan penguasaan bahasa dan kecanggihan. Perlu ingat, akal harus ke bumi dan bahasa ini adalah makna yang mengingatkan bangsa serta anak bangsa,” katanya.

Tegas Perdana Menteri lagi antara pertimbangan penting adalah pemeraksanaan bahasa dan budaya.

“Dalam MADANI itu sendiri tumpuan pemeraksanaan ekonomi termasuk pengenalan bidang baharu seperti teknologi dan digital, tetapi pemeraksanaan ekonomi dan digital itu tidak memantangkan negara serta budaya,

“Kita di Malaysia harus ambil iktibar daripada teguran dan kritikan ini. Tugas pendidik, guru dan pensyarah adalah memberikan dorongan serta rangsangan supaya anak kembali membaca. Mengambil pandangan Saidina Ali, ‘minat kepada ilmu ini sama keghairahan’.

“Ia adalah makrifat ilmu dan kebijaksanaan, tapi ada kelazatan, bukan kerana disiplin di fakulti atau perlu membaca malam lulus peperiksaan semata-mata. Ada minat membaca, cuma membaca untuk lulus. Minat dan ciri kepada ilmu harus ditanam sejak zaman muda,” katanya.